

Garis Panduan Skim Pembantu Penyelidik Siswazah (SPPS) UMP Bergaji Bulan

1. Kelayakan

- a) Skim ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pasca siswazah di UMP (berdaftar di Institut Pengajian Siswazah). Ianya terbuka kepada semua pelajar termasuk pelajar luar negara.

2. Permohonan

- a) Pelajar yang ingin memohon perlu mengisi borang skim Pembantu Penyelidik Siswazah (SPPS). Borang tersebut **UMP.JPI.SPPS(P)/13** boleh diperolehi di Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I) atau dimuat turun melalui portal rasmi JP&I. Pemohon perlu mendapat sokongan Ketua Projek Penyelidikan/Penyelia dan juga pengesahan Dekan fakulti pelajar berdaftar dan juga kelulusan daripada Jabatan Penyelidikan dan Inovasi

3. Elaun Bulanan

- a) Pelajar dibawah skim ini akan dibayar elaun bulanan maksimum sama ada RM2000 atau RM1500. Walaubagaimanapun, pembayaran elaun juga boleh melebihi atau kurang daripada jumlah yang ditetapkan berpandukan kepada garis panduan pemberi dana.
- b) Walaubagaimanapun, ketua projek boleh menentukan kadar yang lebih rendah mengikut kemampuan peruntukan penyelidikan dan tempoh projek.
- c) Semua bayaran upah/elaun Pembantu Penyelidik akan diproses berdasarkan borang tuntutan elaun Pembantu Penyelidik Siswazah yang disahkan oleh Ketua Projek Penyelidikan dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi). Borang tersebut perlu dihantar ke JP&I untuk kelulusan **sebelum 5 hb pada bulan berikutnya** bagi proses pembayaran di peringkat Jabatan Bendahari. Borang Tuntutan upah/elaun Pembantu Penyelidik Siswazah **UMP.JPI.SPPS(T)/13** boleh didapati di Pejabat JP&I atau dimuat turun melalui portal rasmi JP&I

4. Peruntukan

- a) Elaun bulanan ini dibayar daripada vot geran penyelidikan (Vot11000) geran penyelidikan luar Ketua Projek berkaitan.
- b) Hanya geran luar sahaja dibenarkan untuk skim ini. **Skim ini tidak terpakai untuk geran dalaman (Geran Penyelidikan Universiti)**

5. Kemudahan

- a) Pelajar tidak layak menerima apa-apa kemudahan atau keistimewaan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan lantikan tetap UMP.

6. Tempoh Lantikan & Lanjutan

- a) Lantikan skim ini adalah mengikut tempoh projek atau baki yang mencukupi atau yang mana terlebih dahulu. Pelajar boleh memperbaharui/melanjutkan skim ini dengan mendapat sokongan Ketua Projek, Penyelia dan Pengarah JP&I. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Lanjutan Skim Pembantu Penyelidik Siswazah (Borang UMP/RMIC/SPP/GRA03 (Pin.1/2010)).

7. Bidang Tugas

- a) Selain membuat penyelidikan untuk menghasilkan tesis sendiri, Pembantu Penyelidik Siswazah adalah diperlukan membantu pensyarah menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan penyelidikan

8. Kemudahan Perubatan

- a) Pelajar tidak akan diberi kemudahan-kemudahan perubatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan perubatan bagi kakitangan Universiti Malaysia Pahang. Pihak berkuasa yang melantik juga tidak akan membayar sebarang bil-bil perkhidmatan perubatan yang didapati oleh pelajar dari mana-mana klinik atau hospital.

9. Penamatan Pelantikan

Khidmat Pembantu Penyelidik Siswazah boleh ditamatkan apabila :

- a) Digugurkan daripada pengajian
- b) Tempoh penyelidikan telah tamat atau amaun geran penyelidikan tidak mencukupi
- c) JP&I atas nasihat Ketua Projek boleh menamatkan khidmat Pembantu Penyelidik Siswazah apabila didapati prestasi Pembantu Penyelidik Siswazah tidak memuaskan.
- d) Sekiranya Pelajar itu sendiri ingin menamatkan perkhidmatan sebagai SPB pelajar tersebut perlulah memberi 14 hari notis bertulis yang disahkan oleh Ketua Projek kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi.

10. Tatatertib dan kelakuan

- a) Sepanjang lantikan, Pembantu Penyelidik Siswazah juga adalah tertakluk kepada Perlembagaan Universiti dan segala Statut, Akta, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa di Universiti ini dan kepada Arahan-arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Universiti dari semasa ke semasa.